

Ketua Puteri akan diiktiraf sebagai Naib Presiden UMNO

UM 1 1 MAY 2002

KUALA LUMPUR 10 Mei — Ketua Puteri UMNO akan diiktiraf sebagai salah seorang daripada Naib Presiden UMNO apabila pindaan terhadap perlembagaan UMNO dilakukan pada mesyuarat agung khas parti itu, bulan depan. Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, mesyuarat khas bagi membincangkan pindaan itu akan diadakan

semasa Perhimpunan Agung UMNO, 20 Jun ini.

Menurutnya, apabila pindaan itu diluluskan nanti, Ketua Puteri UMNO akan mempunyai kedudukan yang setaraf dengan Ketua Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO sekali gus menjadikan jumlah Naib Presiden parti seramai enam orang.

“Majlis Tertinggi (MT) berpendapat Puteri UMNO

perlu diberi taraf yang sama dengan Pemuda dan Wanita kerana mereka juga sayap UMNO,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT UMNO di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, pindaan itu turut membatik Pergerakan Puteri UMNO di semua peringkat bahagian serta cawangan di seluruh negara.

“Apa juga kedudukan Ketua Pemuda dan Wanita turut diberikan kepada Ketua Puteri di semua peringkat,” katanya.

Pada masa ini, jawatan Ketua Penaja Puteri UMNO disandang oleh Azalina Othman Said.

Puteri UMNO yang mendapat sambutan menggalakkan daripada generasi muda wanita di negara ini ditubuhkan pada 3 Ogos 2000.